

1

DARI KEPOMPONG KE RAMA-RAMA (PINTAR MENULIS): PROGRAM KEMAHIRAN MEMBACA DAN PENINGKATAN KOSA KATA MURID

Nailul Azmi Ismail
nailul_azmi_ismail@moe.edu.sg

Nurul Huda
nurul_huda@moe.edu.sg

Zubaidah Othman
zubaidah_othman@moe.edu.sg

Sekolah Rendah Park View

ABSTRAK

Menerusi tinjauan yang dijalankan, terdapat peningkatan dalam bilangan murid yang tidak atau kurang membaca buku-buku bahasa Melayu. Hal ini menjadi punca utama kelemahan murid dalam penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu terutama dalam penulisan ayat-ayat yang gramatis. Murid didapati tidak berupaya untuk mempelbagaikan penggunaan kosa kata dalam ayat-ayat yang dibina. Didapati murid sering mengulang penggunaan kosa kata yang sama dalam penulisan mereka. Kelemahan berlaku kerana kurangnya penekanan awal bagi membina kemahiran asas dalam menguasai kemahiran menulis. Program bahasa yang memberi penekanan terhadap kepentingan membaca buku-buku bahasa Melayu dan pengembangan kosa kata murid telah diperkenalkan bagi menangani kelemahan murid dalam penguasaan dan penggunaan bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan terdapat peningkatan dalam pencapaian murid dalam kemahiran menulis serta minat membaca bahan-bahan bacaan dalam bahasa Melayu.

Kata kunci

Kemahiran Asas, Membaca, Penulisan, Kosa Kata, Bahan Bacaan



PENGENALAN

Program ini dimulakan atas dasar ingin mengatasi masalah kelemahan dan kemahiran murid dalam membina ayat. Murid yang mengambil bahasa Melayu didapati tidak mampu menulis ayat-ayat yang gramatis bagi karangan mereka. Ini disebabkan ketiadaan kemahiran asas membina ayat. Selain itu, penguasaan kosa kata yang terhad dan kurangnya membaca buku-buku bahasa Melayu telah menyebabkan murid-murid ini lemah.

Usaha yang dijalankan ini memberi ruang dan peluang kepada murid untuk mengetahui cara membina ayat dalam pembelajaran seharian mereka. Kelemahan dan kekurangan mereka dari segi membina ayat yang gramatis juga dapat diatasi menerusi kepelbagaian aktiviti berkaitan dengan tatabahasa. Program bacaan berperingkat dan proses-proses penulisan yang berkaitan di dalam kelas yang diterapkan dalam pembelajaran, diharap dapat meningkatkan kemampuan murid membina ayat secara berterusan hingga ke peringkat lebih tinggi.

TUJUAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini memberi tumpuan kepada murid di peringkat rendah. Setelah asasnya disemai di peringkat rendah, murid dipercayai sudah dapat dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk melangkah ke peringkat yang lebih tinggi. Justeru, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. meneliti keberkesanan projek yang menekankan pada pengembangan kosa kata dalam pembinaan ayat yang gramatis dalam kalangan murid; dan
2. mengkaji keberkesanan projek yang menekankan pada kemahiran membaca dan perluasan kosa kata murid.



PERMASALAHAN KAJIAN

Daripada tinjauan awal didapati murid tidak gemar membaca buku-buku dalam bahasa Melayu. Masalah ini membawa kesan yang besar dalam pembelajaran bahasa Melayu murid. Oleh yang demikian, melaksanakan program bacaan yang mampu menggalakkan murid membaca bahan-bahan dalam bahasa Melayu sangat dialu-alukan. Namun begitu, dari segi pelaksanaannya, guru masih belum yakin akan keberkesanan program bacaan yang berstruktur dan berperingkat dapat meningkatkan tahap kemahiran murid dalam membina ayat.

KAJIAN LEPAS

McKenzie-Brown (2006) melalui blognya telah mengatakan bahawa setiap masyarakat mempunyai bahasa yang kompleks kerana ia mengandungi ciri-ciri nahu seperti kata nama, kata kerja dan kata bantu. Lantas, setiap penutur bahasa harus mempunyai kecekapan berbahasa supaya dapat difahami oleh masyarakatnya. Bahasa yang tidak mempunyai rumus-rumus yang tertentu akan disalahertikan.

Fakta ini diperkukuhkan oleh Chomsky (1977) melalui bukunya "*Language and Responsibility*". Beliau menyatakan bahawa kanak-kanak daripada kemahiran berbahasa yang pelbagai mampu mencapai kemahiran berbahasa yang baik pada penghujungnya. Ini memerlukan penjelasan. Setiap kanak-kanak juga didedahkan kepada latar belakang berbahasa yang berbeza tetapi pada akhirnya mereka akan menikmati pengalaman berbahasa yang sama. Kesimpulannya, kita harus mengandaikan bahawa setiap kanak-kanak mempunyai kendala dalaman yang mempengaruhi penguasaan nahu mereka.

Justeru itu, melalui latihan yang kerap dan pendedahan berbahasa melalui pembacaan buku-buku dalam bahasa Melayu baik di sekolah ataupun di rumah, kemampuan murid berbahasa akan dapat dipertingkatkan lebih-lebih lagi apabila bacaan menjadi faktor penyumbang bagi membina ayat-ayat yang gramatis dalam bahasa Melayu.



Program yang menekankan bacaan awal ini mampu membantu murid meluaskan pengetahuan dan penguasaan kota kata mereka. Para psikologi juga telah mendedahkan bahawa kosa kata bukan setakat senarai perkataan yang tergambar di minda tetapi berfungsi sebagai khazanah susunan perkataan yang melibatkan kefahaman dan pengalaman. Pandangan ini turut dikongsi oleh Anderson dan Pearson (1984). Sekaligus ini membantu murid untuk membina ayat-ayat yang gramatis dengan menggunakan kosa kata yang pelbagai.

Menurut laporan Jawatankuasa Bacaan Kebangsaan Malaysia (2006), kesedaran fonemik dan fonologi yang terjadi semasa bacaan lantang akan dapat membantu seseorang kanak-kanak mempelajari perkataan-perkataan baharu, mengenali keadaan sekeliling, mengetahui bentuk bertulis sesuatu bahasa dan melihat kaitan perkataan-perkataan yang dituturkan dengan perkataan-perkataan yang bertulis. Oleh itu, guru turut menyertakan aktiviti membaca beramai-ramai secara berkumpulan dan di hadapan kelas.

KAEDAH KAJIAN

Kajian yang dijalankan melibatkan beberapa kaedah berdasarkan tinjauan yang dijalankan di peringkat awal hinggalah ke peringkat pascaujian. Tinjauan ini dilakukan pada setiap penggal untuk mengesan keberkesanan program ini serta mengenal pasti jurang yang wujud sewaktu program ini dilaksanakan di dalam bilik darjah. Maklumat-maklumat yang diperolehi digunakan untuk mengemas kini jurang yang timbul serta memperbaiki mana-mana bahagian program yang kurang berkesan atau memerlukan tindakan susulan.

Subjek Kajian

Sekumpulan murid Darjah 1 telah dipilih sebagai subjek kajian. 44 orang murid Darjah 1 akan terlibat dalam projek rintis ini yang akan dijalankan secara berterusan sehingga mereka di peringkat Darjah 3. Mereka terdiri daripada murid yang mempunyai pelbagai latar belakang yang agak besar jurangnya dari segi pendedahan serta pengetahuan bahasa Melayu mereka.



Instrumen Kajian

Tinjauan, praujian dan pascaujian merupakan instrumen yang digunakan dalam kajian kami ini. Guru menggunakan contoh tugas murid sebagai bahan untuk diteliti akan keberkesanan aktiviti yang dijalankan serta saranan tindakan yang perlu dilakukan guru.

Prosedur Kajian

Pada Penggal dua, tahun 2012, satu tinjauan telah dijalankan untuk mengenal pasti latar belakang kebolehan membaca murid dan aktiviti harian murid yang melibatkan penggunaan bahasa Melayu. Setelah maklumat tinjauan dianalisis, satu praujian dijalankan. Tujuan praujian ini adalah untuk mengumpulkan lebih banyak maklumat dan mengukur pengetahuan sedia ada murid. Melalui praujian ini, usaha lanjutan dilakukan bagi membantu murid-murid ini dalam kelakonan membina ayat dengan baik.

Dapatan tinjauan awal menunjukkan terdapat segolongan murid yang tidak mampu membina ayat yang sempurna berdasarkan gambar yang diberi. Murid yang lemah juga menghadapi kesukaran untuk mengenal pasti beberapa kosa kata yang diberikan.

Langkah 1 – Perluasan Kosa Kata

Berdasarkan dapatan tinjauan awal ini, guru telah menyiapkan kad-kad perkataan dan ayat untuk kegunaan di bilik darjah. Guru juga telah menggunakan Buku Teks Sari Bahasa Darjah 1 iaitu buku latihan yang disediakan oleh CDIS. Pembelajaran secara eksplisit turut dilakukan dalam pembelajaran kosa kata bagi murid yang lemah.

Selain menggunakan Buku Teks Sari Bahasa, guru menyediakan kad-kad perkataan dan ayat sebagai bahan pengajaran di dalam kelas bagi memperkukuh pengetahuan membina ayat. Buku-buku cerita Melayu dan Buku Teks Mekar menjadi bahan bacaan dan pengajaran yang digunakan di dalam kelas memandangkan peratusan murid yang membaca buku-buku bahasa Melayu lebih rendah daripada peratusan yang membaca buku-buku bukan berbahasa Melayu. Langkah mengenalkan aktiviti bacaan di



dalam bilik darjah menjadi satu alternatif bagi mendedahkan murid kepada kosa kata yang pelbagai.

Langkah 2 – Memupuk Minat Membaca

Kepentingan membaca menjadi pendekatan pertama yang diambil bagi memupuk minat membaca dalam kalangan murid. Program bacaan berperingkat dijalankan untuk memenuhi keperluan murid yang kurang membaca ini. Pada masa yang sama, program ini juga memberi pendedahan kepada sekitaran berbahasa Melayu yang kondusif bagi murid.

Setelah dilaksanakan pada penggal satu dan dua, satu pascaujian dijalankan. Murid membina lima potong ayat yang gramatis berdasarkan gambar dan kata-kata bantuan yang diberi. Penelitian hanya dilakukan dari segi kesilapan nahu dan ejaan tetapi bukan jalan cerita memandangkan ini kali pertama murid ini menduduki ujian sedemikian. Ini juga disebabkan objektif utama kajian adalah untuk memastikan murid dapat membina ayat-ayat yang gramatis.


DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Melalui tinjauan awal yang dijalankan pada Penggal dua, banyak informasi mengenai minat membaca, rancangan televisyen yang diminati murid dan bahasa yang digunakan di rumah telah dikumpulkan.

Menerusi tinjauan itu didapati bahawa peratusan penggunaan bahan bacaan bukan Melayu lebih tinggi berbanding peratusan penggunaan bahan-bahan bacaan Melayu. Murid didapati lebih banyak membaca bahan bacaan yang bukan dalam bahasa Melayu di rumah. Rajah 1 menunjukkan murid lebih gemar membaca bahan bacaan bukan dalam bahasa Melayu.




Rajah 1: Jenis Bahan Bacaan



Rajah 2 pula menunjukkan murid lebih gemar menonton rancangan hiburan dan drama dalam bahasa Melayu berbanding dengan rancangan berita dan dokumentari dalam bahasa Melayu. Walaupun murid gemar menonton drama, kecekapan berbahasa murid tidak meningkat kerana rancangan-rancangan ini tidak menggunakan bahasa Melayu baku seperti yang digunakan di bilik darjah. Bukan itu sahaja, bahasa yang digunakan juga lebih kepada bahasa basahan atau bahasa yang tidak formal. Hal ini tidak banyak membantu dalam perkembangan bahasa murid.

Rajah 2: Rancangan Televisyen yang Ditonton Murid



Rajah 3: Penggunaan Bahasa di Rumah



Rajah 3 pula menunjukkan bahawa bahasa yang dominan digunakan di rumah oleh murid ialah bahasa Inggeris. Rajah 4 pula menunjukkan bahawa diari dan *facebook* merupakan dua wadah yang gemar digunakan oleh murid bagi aktiviti penulisan.

Rajah 4: Aktiviti Penulisan BM



Tinjauan ini juga mendedahkan trend seperti tabiat membaca dalam kalangan murid dan pendedahan kepada bahan-bahan bacaan tanpa mengira bahasa. Tinjauan ini menunjukkan bahawa murid lebih terdedah kepada program-program berbahasa Melayu. Mereka akan menonton drama dan bukan program-program pendidikan dalam bahasa Melayu.

Rajah 5 pula menunjukkan bahawa ramai murid gemar mengunjungi perpustakaan. Dapatan ini penting kerana guru boleh memanfaatkan informasi bagi menggalakkan murid meminjam dan membaca buku-buku dalam bahasa Melayu di perpustakaan.

Rajah 5: Kunjungan ke Perpustakaan Awam



Rajah 6 pula menunjukkan kekerapan murid mengunjungi perpustakaan. Dapatan ini menunjukkan ramai murid yang mengunjungi perpustakaan sebulan sekali. Ada sebilangan murid yang mengunjungi perpustakaan setiap hari.



Rajah 6: Kekurangan Kunjungan Ke Perpustakaan



Rajah 7 secara keseluruhan menunjukkan bahan bacaan yang sering dipinjam oleh murid. Tinjauan ini menunjukkan bilangan murid yang meminjam buku-buku dalam bahasa Melayu masih sedikit jika dibandingkan dengan bahan bacaan bukan Melayu yang dipinjam murid.


Rajah 7: Bahan Bacaan yang Dipinjam dari Perpustakaan



Bagi menilai kemahiran bahasa murid, praujian dilaksanakan. Praujian yang dilaksanakan menunjukkan bahawa murid yang lebih baik mampu membina ayat yang lebih sempurna kecuali dua orang murid yang masih menghadapi kesukaran. Bagi murid di kelas yang bertahap sederhana dan lemah pula, jumlah mereka yang mampu membina ayat-ayat yang sempurna lebih rendah.

Rajah 8 yang berikut menunjukkan markah praujian yang diperoleh murid.

Rajah 8: Keputusan Praujian




Setelah melaksanakan pelbagai aktiviti di kelas dengan penggunaan kad, buku Sari Bahasa dan juga aktiviti bacaan rampaian, bahasa Melayu yang dituturkan oleh murid yang terlibat dalam projek ini didapati lebih baik daripada sebelumnya. Selain itu, penegasan terhadap penggunaan bahasa Melayu yang standard juga menyumbang kepada perubahan ini. Perubahan ini dapat dilihat pada peratusan kelulusan dalam pascaujian yang dijalankan. Dalam



pascaujian ini, peratusan yang gagal lebih rendah daripada jumlah yang gagal semasa praujian.

Rajah 9 yang berikut menunjukkan markah keputusan pascaujian setelah murid melalui kajian yang dijalankan.

Rajah 9: Keputusan Pascaujian



KESIMPULAN

Beberapa pemerhatian telah dilakukan semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan di dalam kelas. Murid lebih meminati program-program bahasa Melayu seperti drama daripada dokumentari. Pada awalnya, murid terutama mereka yang bukan berbangsa Melayu, menghadapi masalah untuk memahami program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan kerana kurang penguasaan bahasa.

Namun, selepas beberapa pelajaran, minat murid kini bertambah dan lebih ramai di antara mereka yang menggunakan istilah-istilah, kosa kata dan laras bahasa yang telah didedahkan. Perkara ini lebih ketara dalam kalangan murid dari kumpulan



bertahap tinggi. Murid ini berkemampuan membina ayat-ayat yang lebih mencabar dari segi struktur bahasa mereka. Keupayaan untuk mempelbagaikan penggunaan kosa kata turut dipamerkan.

Namun, murid di tahap yang sederhana dan lemah menghadapi sedikit kesukaran dari segi ejaan. Hakikatnya, ini semua menghambat kelancaran murid ini dalam proses menguasai kemahiran penulisan.

Dapatan ini memberi peluang kepada guru untuk memperhalusi projek ini apabila para pelajar ini berada di Darjah dua. Bagi murid yang di tahap sederhana dan lemah, program pemulihan akan dilakarkan bagi mengatasi dan merapatkan jurang yang wujud. Program yang sedia ada ini akan dikemas kini dan diterapkan dalam program “*Reading Mum*”, yang dikendalikan oleh sukarelawan yang terdiri daripada ibu bapa murid. Penekanan akan dibuat bagi aspek diftong dan sengauan di dalam pembelajaran fonetik.

Program Siri Bacaan Awal diperkenalkan bagi melibatkan ibu bapa membaca bersama anak-anak mereka sekaligus memupuk kecintaan kepada bahasa Melayu. Dengan penglibatan ibu bapa secara langsung, akan wujud satu kesinambungan di dalam proses pembelajaran membaca dan minat terhadap bahasa Melayu.

Usaha akan diteruskan untuk meneroka cara dan juga sumber lain untuk mempertingkatkan keberkesanan hasil projek ini dalam proses pembelajaran murid dan memastikan pencapaian yang lebih baik di dalam kelakonan akademik murid.

Nota:

Guru-guru berikut turut terlibat dalam kajian yang dijalankan.

1. Dira Murshida Darwin
2. Ernie Kamarudin
3. Kamarulzaman Hashim



RUJUKAN

Anderson, R.C., & Pearson, P.D. (1984). *A Schema-theoretic View of Basic Processes in Reading*. In P.D. Pearson, R.Barr, M.L. Kamil, & P. Mosenthal (Eds.), *Handbook of reading research*. White Plains, NY: Longman

Chomsky, C. (1976). *After decoding: What?* *Language Arts*, 53, 288-296.

Learning Point Associates.(2006). *The National Reading Panel Report: Practical Advice for Teachers*. Illinois, IL: Timothy Shanahan.

Sumber Elektronik

P. McKenzie-Brown. (2006, September 26). *What is CLT?* [Web log comment]. Retrieved from <http://languageinstinct.blogspot.sg/2006/09/what-is-it-clt-language-competencies.html>

